

15 OCT 2003

Mahathir-gelaran

DR MAHATHIR ULAS MENGENAI GELARAN DAN CEMUHAN

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Sepanjang 22 tahun menjadi perdana menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah digelar sebagai Melayu ultra, anti-Cina, anti-Barat, diktator, autokratik dan ada yang lebih teruk lagi. Tidakkah gelaran seperti itu mengganggu beliau?

Dr Mahathir ketawa, dan berkata beliau akur bahawa perbuatan memberikan label sebagai sebahagian daripada politik dan mengaitkannya kepada "tabiat manusia".

Dalam temu bual eksklusif selama 70 minit dengan Bernama di sini semalam, beliau berkata gelaran dan cercaan adalah "gimik politik" musuh beliau dan musuh negara ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai beberapa cemuhan yang teruk terhadap beliau dan negara ini oleh pemimpin-pemimpin barat, khususnya dua bekas perdana menteri Australia Paul Keating dan Bob Hawke dan perdana menterinya sekarang John Howard, bekas naib presiden Amerika Syarikat Al Gore, dan dua bekas Setiausaha Negara Amerika, Madeleine Albright dan James Baker.

Dr Mahathir berkata bahawa lambat laun, orang akan tahu siapa beliau sebenarnya.

Beliau mengakui bahawa di peringkat awal beliau menjadi perdana menteri, rakyat bukan Melayu mencurigai beliau. "Lama kelamaan, mereka dapati saya tidak memusuhi mereka, dan bahawa saya hendak berlaku adil kepada mereka."

Katanya sebagai pemimpin kepada orang Melayu, beliau telah melindungi kepentingan Bumiputera tetapi beliau sedar beliau harus sentiasa berlaku adil.

"Ada kalanya saya marah orang Melayu, kadangkala saya marah orang Cina dan orang India jika mereka melakukan sesuatu yang tidak adil kepada yang lain. Saya telah berlaku adil dan seimbang dalam teguran saya. Saya fikir bahawa lama kelamaan, mereka sedar saya bukan memusuhi mereka, tetapi sebenarnya saya sedia menolong mereka," katanya, merujuk kepada sokongan padu yang dinikmatinya sekarang daripada rakyat bukan Melayu, khususnya orang Cina.

Dr Mahathir berkata perbuatan memberi gelaran adalah gimik politik, seperti apabila beliau dilabel sebagai "ultra", kenyataan-kenyataannya yang biasa pun disalah tafsir sehingga dilihat seperti beliau seorang pelampau.

"Maka musuh-musuh saya, katalah PAP (Parti Tindakan Rakyat yang memerintah Singapura), mereka tidak suka saya, jadi (Lee) Kuan Yew (akan) akan menggelarkan saya Melayu ultra. Apa yang saya lakukan bukannya melampau. Saya sekadar meminta agar orang Melayu diberikan layanan adil. Gelaran itu lekat pada saya kerana mereka berulang kali menggunakan istilah 'ultra'.

"Dan, orang Cina dan India tidak kenal saya. Mereka tahu mengenai apa yang mereka baca mengenai saya; bahawa saya seorang ultra dan sebagainya, maka mereka beranggapan bahawa keadaan akan menjadi teruk jika saya jadi perdana menteri."

Ia mengambil masa, kata Dr Mahathir, "tetapi lama kelamaan, saya telah buktikan bahawa saya berlaku adil kepada semua."

"Jika kita lihat pada kabinet, ada banyak anggotanya yang pernah menentang saya. Datuk Abdullah Badawi yang pernah bersama kumpulan Tengku Razaleigh cuba menjatuhkan saya; hari ini, saya naikkan beliau sebagai pengganti saya. Rais Yatim, Kadir Sheikh Fadzir, Syed Hamid Albar...mereka ini semua menentang saya. Saya tidak berdendam dengan mereka."

Dr Mahathir juga merujuk kepada satu lagi label terhadap beliau iaitu sebagai anti-barat.

"Saya bukan anti-barat. Ramai orang Barat adalah kawan saya."

Beliau berkata kritikan beliau terhadap beberapa negara Barat adalah sebagai tindak balas kepada serangan mereka terhadap Malaysia.

"Boleh kata, ini adalah balas balik. Saya jarang bidas orang Jepun atau China atau Vietnam kerana mereka tidak membidas saya atau Malaysia.

Merekalah (pemimpin Barat) yang memburuk-burukkan negara ini.

"Mereka seolah-olah merasakan kita ini tidak sehebat mereka, dan berhak memberitahu kita apa yang perlu kita buat. Maka, jawapan saya adalah mereka juga membuat kesilapan seperti kita. Dan jika kita tidak memberitahu mereka, mereka akan sentiasa merasakan mereka betul dan kita yang salah."

Katanya semasa beliau bercakap mengenai penduduk Eropah dan kecenderungan mereka untuk berperang, ia didasarkan kepada sejarah Eropah yang sentiasa berperang. "Mereka sentiasa berlawan sesama sendiri. Mereka mengambil tanah orang lain tanpa mempedulikan (penghuni asalnya) seperti Red Indian yang telah pupus.

"Di Australia, masyarakat Orang Asli telah dibunuh. Itu adalah tanah mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah memberitahu pegawai-pegawai China bahawa "awak dekat dengan Malaysia tetapi awak tidak pernah menakluki kami. Tetapi dari jarak 8,000 batu, orang Eropah datang menjajah kami. Apakah yang telah kami lakukan terhadap mereka? Mereka mahu berdagang tetapi cara mereka berdagang ialah menjajah negara ini dan membolot semuanya pada harga paling rendah."

Katanya semasa beliau membuat kritikan seperti ini, mereka yang "terasa pedas" tidak dapat menerimanya.

Semenanjung tanah Melayu pertamanya ditakluk oleh Portugis, diikuti Belanda dan akhirnya British, menyebabkan negara ini dijajah selama hampir 450 tahun sehingga ia mencapai kemerdekaan pada 1957.

Ketika ditanya mengenai curahan kasih sayang yang diterimanya semasa beliau mengumumkan persaraannya, Dr Mahathir tersenyum simpul.

"Memanglah, apabila seseorang itu akan meninggalkan kita, maka kita akan merasa rindu dan akan ingat hanya perkara-perkara yang baik," kata Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatannya pada 31 Okt ini.

Beliau kemudian memetik Mark Anthony, satu watak dalam Julius Caesar karya William Shakespeare.

"Mark Anthony berkata 'the evil that men do lives after them, the good is oft interred with their bones' (keburukan yang dilakukan oleh seseorang akan sentiasa diingati, kebaikan sering kali berkubur bersamanya).

"Sebenarnya ini tak betul. Apabila seseorang mati, kita akan ingat tentang kebajikannya. Tetapi apabila dia hidup, lebih-lebih lagi apabila dia dipilih, seperti (Arnold) Schwarzenegger (gabenor baru California yang dilemparkan dengan dakwaan mencabul dan mempunyai hubungan dengan Nazi), maka segala perkara buruk dicungkil. Ini tabiat manusia. Saya akur."

-- BERNAMA

KH AU MAI